

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DURIAN TUNGGAL, MELAKA.

### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkara berikut:

| Bil | No. Sebut Harga                              | Tajuk Sebut Harga   | Lesen Pendaftaran  | Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual  | Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga  |
|-----|--|---|--|--|---|
| 1.  | UTeM016/<br>KELENGKAPAN<br>KOMPUTER/<br>2012 | <b>SEBUT HARGA BAGI<br/>MEMBEKAL,<br/>MENGHANTAR,<br/>MEMASANG DAN<br/>MENGUJILARI “COMPUTER<br/>WORKSTATION” DAN ALAT<br/>BANTUAN MENGAJAR<br/>UNTUK FAKULTI<br/>PENGURUSAN TEKNOLOGI<br/>DAN TEKNOUSAHAWAN,<br/>UNIVERSITI TEKNIKAL<br/>MALAYSIA MELAKA</b> | Kementerian<br>Kewangan Malaysia:<br><br>Kod Bidang :<br><br>210103<br>(Workstations and<br>Related Peripheral<br>and Services)<br><br>DAN<br><br>040200<br>(Alat Bantuan<br>Mengajar) | Unit Perolehan<br>Pej. Bendahari<br>Bangunan Canselori<br>Kampus Induk UTeM<br>Durian Tunggal<br>Melaka<br><br>28 Februari 2012<br>hingga<br>12 Mac 2012 | Unit Perolehan<br>Pej. Bendahari<br>Bangunan Canselori<br>Kampus Induk UTeM<br>Durian Tunggal<br>Melaka<br><br>13 Mac 2012<br>(sebelum atau pada<br>pukul 12.00<br>tengahari) |

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **28 Februari 2012** hingga **12 Mac 2012** semasa waktu pejabat seperti berikut :

| Hari                | Waktu   | Tempat   |
|---------------------|---|--|
| Isnin hingga Khamis | 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari<br>2.30 petang hingga 4.30 petang  | Unit Perolehan<br>Pejabat Bendahari<br>Bangunan Canselori<br>Universiti Teknikal Malaysia Melaka<br>Hang Tuah Jaya<br>76100 Durian Tunggal Melaka. |
| Jumaat              | 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari<br>3.00 petang hingga 4.30 petang. |  |

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual **28 Februari 2012** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **12 Mac 2012** dengan bayaran RM10.00 senaskah secara Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Sila bawa bersama Sijil Kementerian Kewangan Malaysia **ASAL** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia semasa membeli sebut harga ini.

5. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utm.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **13 Mac 2012**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
7. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utm.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



SURAWAH BT. SAE  
Penolong Akauntan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN**  
**PEJABAT BENDAHARI**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095  
FAKS : 06 – 331 6296